

UCHAPAN Y.B. MENTERI PELAJARAN,
ENCHE HUSSEIN ONN

DIDEWAN RA'AYAT PADA 19.7.71.

Tuan Yang Di-Pertua,

Terlebeh dahulu saya ingin mengucapkan terima kaseh kepada Ahli2 Yang Berhormat yang telah mendatangkan beberapa pandangan berkenaan dengan masaalah pelajaran. Minat yang ditunjokkan ini amatlah dihargakan. Dengan izin Tuan Yang Di-Pertua, saya suka juga hendak memberikan serba sedikit penjelasan tentang beberapa kemuskhilan2 yang telah ditimbulkan oleh Ahli2 Yang Berhormat itu.

Ahli2 Yang Berhormat dari Jerai (Y.B. Enche Hanafiah Hussein)

Diantara lain telah menyatakan bahawa untok menjayakan rancangan Kerajaan hendak menghapuskan jurang perbedzaan antara kaum, Kerajaan hendaklah memperimbangan2 kemudahan2 pelajaran diantara kawasan Melayu dengan kawasan2 bukan Melayu. Ahli Yang Berhormat itu saterusnya menggesa Kerajaan mengadakan Sekolah2 Menengah Teknik, Sains dan Vokeshenal dinegeri2 Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak.

2. Sabagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maalom, adalah menjadi dasar Kerajaan untok memperimbangan2 kemudahan2 pelajaran diantara penuntut2 luar bandar dengan penuntut2 bandar dan berapa langkah yang tertentu sudah pun diambil. Sekolah Menengah Teknik dan Vokeshenal sudah didirikan di-Pahang. Sekolah2 Menengah Vokeshenal juga telah didirikan di-Kelantan dan Negeri Sembilan dan **ada** rancangan untok mendirikan sekolah2 Vokeshenal di-Perlis dan Trengganu. Selain dari itu, dalam Rancangan Malaysia Kedua ini peruntokan untok membena 10 buah sekolah menengah berasrama yang menitekberatkan pelajar2 sains dan teknik telah dibuat. Sukachitalah saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan terus melaksanakan dasar Kerajaan yang hendak memperimbangan2 kemudahan2 pelajaran diantara penuntut2 luar bandar dengan penuntut2 bandar ini.

3. Di-waktu memperkatakan masaalah Universiti, Ahli Yang Berhormat itu telah menggesa Kerajaan supaya memberi arahan yang tegas dan nyata kepada Universiti Malaya dan Universiti di-Pulau Pinang untuk mengadakan kota tempat² di-Universiti² itu bagi bumiputra yang mempunyai kelayakkan dalam jurusan Sains, Perubatan dan Kejuruteraan berasaskan kepada peruntukan Pindaan Perlembagaan yang telah di-luluskan oleh Parlimen. Berkenaan dengan perkara ini, saya ingin menerangkan bahawa Kementerian saya sedang mengkaji dengan teliti keanggotaan pelajar yang terdapat di-Universiti² itu, syarat² pengambilan penuntut dan sebagai-nya dengan tujuan hendak mengeluarkan arahan² demikian di-mana² perlu. Kajian ini termasuk-lah kajian tentang kelayakan masuk ka-Fakulti Kejuruteraan dan Perubatan Universiti Malaya yang di-mushkilkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan (Enche' Tan Cheng Bee) telah bertanya kepada bilangan pelajar² yang di-jangka masuk ka-Tingkatan VI dan ka-Universiti dalam masa Rancangan Malaysia Kedua berkurangan dari yang telah di-anggarkan bagi Rancangan Malaysia Pertama. Tuan Yang Di-Pertua, ratio di-antara pelajar² jurusan sains dengan pelajar² jurusan sastera (Arts) pada masa ini ia-lah 70% jurusan Sastera (Arts) dan 30% jurusan Sains. Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan sebagaimana yang di-shorkan dalam laporan Jawatankuasa Pelajaran Tinggi untuk memperbetulkan keadaan ini dan matlamat-nya ialah supaya ratio ini bertukar kepada 60% jurusan Sains dan 40% jurusan Sastera (Arts). Oleh yang demikian kurang-nya bilangan yang di-anggarkan masuk ka-Tingkatan VI dan ka-Universiti dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ini ada-lah mencherminkan tujuan tersebut:-

Sa-boleh²-nya, untuk menchapai matlamat² ini tidak payah di-kurangkan pelajar² masuk ka-Tingkatan VI dan ka-Universiti, tetapi kekurangan yang telah di-anggarkan itu adalah memandangkan kepada kemudahan² yang terdapat di-sekolah² pada masa ini dalam bidang pelajaran sains dan kemampuan sekolah² itu mengeluarkan pelajar² jurusan sains. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu tentu-lah bersetuju dengan tujuan ini.

Sa-perkara lagi yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah tentang keanggotaan pelajar2 di-Maktab2 Teknik dan Pertanian serta Politeknik Ungku Omar dari segi kaum. Untuk maalaman Ahli Yang Berhormat itu serta Ahli2 Dewan ini, semenjak kita menchapai kemerdekaan pada tahun 1957 hingga ka-hari ini, bilangan pelajar2 Melayu dalam Maktab Teknik ia-lah 2,723 dan pelajar2 bukan Melayu ia-lah 6,196. 2,697 di-antara pelajar2 Melayu ini mengikuti kursus diploma berbanding dengan 5,779 pelajar2 bukan Melayu. Bagi mereka yang mengikuti kursus ikhtisas pula, hanya 26 orang pelajar Melayu sahaja berbanding dengan 417 bukan Melayu. Bagi Maktab Pertanian pula, semenjak merdeka hingga ka-hari ini bilangan pelajar2 Melayu ia-lah 1,118 dan pelajar2 bukan Melayu ia-lah 431 ia-itu 72.2% pelajar2 Melayu dan 27.8% pelajar2 bukan Melayu. Satu dari sebab-nya mengapa hanya ~~40%~~^{27.8%} sahaja pelajar2 bukan Melayu yang telah masuk ka-Maktab Pertanian ini sejak kita merdeka ia-lah kerana pada 'am-nya, pelajar2 bukan Malayu tidak bagitu chenderong kapada pertanian jika di-bandingkan dengan pelajar2 Melayu. Politeknik Ungku Omar telah di-tubuhkan dalam tahun 1969 dan hingga ka-hari ini bilangan pelajar2 Melayu ia-lah 336 berbanding dengan 112 pelajar2 bukan Melayu. Dari angka2 ini, ada-lah jelas bahawa tidak-lah benar jika di-katakan tidak terdapat pelajar2 bukan Melayu di-Maktab berkenaan. Jika ada pun masalah, masalah-nya ia-lah untuk memperimbangan keluaran2 Maktab Teknik supaya ia-nya benar2 akan mencherminkan keanggotaan masharakat.

Ahli Yang Berhormat dari Segamat Utara (Enche' Musa Hitam) di-antara lain telah menyeru Kerajaan supaya membuat peratoran2 tertentu menwajibkan lulusan2 universiti dalam jurusan teknikal saperti jurutera dan sebagai-nya berkhidmat dengan Kerajaan sebagaimana yang telah di-kenakan kapada doktor2. Saya ingin menyatakan bahawa perkara ini akan di-kaji dan jika keadaan memerlukan peratoran2 sa-demikian akan di-buat, sekurang2-nya untuk menentukan bahawa lulusan2 universiti kita tidak pergi berkhidmat ka-luar negeri sa-sudah Kerajaan membiayai pelajaran mereka.

Ahli Yang Berhormat dari Dato Keramat (Enche' V. David) di-antara lain telah menyatakan bahawa bidang pelajaran hendak-lah menitek-beratkan pelajaran sains dan teknologi, dan berharap bahawa lebeh banyak lagi sekolah2 teknik dan vokeshenal di-dirikan di-Pantai Timor Malaysia Barat dan juga di-Malaysia Timor.

Tuan Yang Di-Pertua, sebagaimana di-nyatakan dengan jelas-nya dalam Rancangan Malaysia Kedua ini, bidang pelajaran kita akan menitekberatkan pelajaran sains dan teknologi. Sebagaimana yang telah saya katakan dalam jawapan kepada Ahli Yang Berhormat dari Jerai, Sekolah Menengah Teknik dan Vokeshenal sudah pun di-dirikan di-Pahang, Sekolah2 Menengah Vokeshenal juga sudah di-dirikan di-Kelantan dan Negeri Sembilan dan ada rancangan untuk mendirikan sekolah2 vokeshenal di-Perlis dan Trengganu. Tiga buah sekolah menengah vokeshenal juga akan di-bena di-Malaysia Timor ia-itu satu di-Miri dan satu di-Sibu dan satu lagi di-Tawau.

Ahli Yang Berhormat dari Miri Subis (Dato James Wong) telah menyentoh berkenaan dengan rancangan Kerajaan negeri Sarawak hendak membasmikan Common Entrance Examination di-negeri itu. Sebagaimana yang telah saya jelaskan di-waktu soal-jawab dalam Dewan ini, Dasar Pelajaran dan Sistem Pentadbiran Pelajaran di-Negeri Sarawak ada-lah di-bawah kawalan negeri tersebut. Oleh yang demikian sebarang chadangan hendak menukar Dasar Pelajaran di-negeri Sarawak hendak-lah terbit-nya dari dayautama negeri itu. Kementerian Pelajaran sedia merunding dan memper-timbangkan jika ada chadangan resmi di-buat. Ahli Yang Berhormat itu juga telah melahirkan harapan-nya supaya sa-buah Maktab pertanian di-tubuhkan di-negeri Sarawak memandang kepada mustahak-nya pertanian di-negeri itu. Sebagaimana yang telah saya jelaskan juga di-waktu soal-jawab, dalam membuat rancangan-nya Kerajaan mengkaji susunan keutamaan perojek2. Berkenaan dengan masalah maktab pertanian di-Sarawak ini, kerajaan berpendapat bahawa Maktab Pertanian di-Serdang dapat di-perbesarkan untuk menemui keperluan negara dengan tidak payah sa-buah maktab lain di-bena di-mana2 lagi. Sebagaimana Ahli Yang berhormat itu harus maalum, Maktab Pertanian dan Fakulti Pertanian di-Universiti Malaya akan di-chantumkan untuk menjadi sa-buah Universiti Pertanian pada tahun 1975.

Tuan Yang Di-Pertua, sekian-lah sedikit sa-banyak penjelasan2 terhadap beberapa perkara yang telah di-timbulkan oleh Ahli2 Yang Berhormat. Pelajaran ada-lah kunci kepada pembangunan. Sebagai Menteri Pelajaran, saya sedar betapa besar-nya tanggungjawab yang di-berikan kepada saya. Tetapi saya yakin dan perchaya dengan kerjasama Ahli2 Dewan ini, ibubapa dan juga orang ramai matlamat kita dalam bidang pelajaran akan terchapai.

